

GULA PRAI DUDUKI TEMPAT KETIGA TERATAS ANTARA JENAMA PILIHAN ISI RUMAH

KUALA LUMPUR, OGOS 18, 2021 – Gula Prai, jenama ikonik terkemuka nasional sejak 1964, selama 57 tahun telah memberi detik-detik kemanisan kepada rakyat Malaysia. Pada 2020, Gula Prai menduduki tempat ketiga dalam carta 10 Jenama Terpilih Barangan Pengguna Cepat Laris (FMCG), melalui segmen makanan dan minuman, selepas produk utama Nestle iaitu Maggi dan Milo. Pengiktirafan jenama di bawah MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ini berada di kedudukan teratas pengeluar gula bertapis premium, yang diakui kajian data pasaran syarikat tersohor dunia di dalam laporan KANTAR Asia Brand Footprint. KANTAR berpusat di United Kingdom dengan jumlah 30,000 wakil petugas meliputi 100 buah negara.

“Berdasarkan laporan KANTAR, untuk segmen makanan dan minuman, Gula Prai telah menembusi 70.9% daripada keseluruhan isi rumah rakyat Malaysia. Laporan tersebut menilai prestasi berdasarkan Titik Capaian Pengguna (CRP) berasaskan kepada kekuatan jenama dari aspek nilai penembusan, populasi dan pilihan pengguna. Pengiktirafan jenama tersebut menunjukkan Gula Prai sebagai produk gula hasilan-tempatan terkemuka yang menjadi pilihan pengguna. Ia juga mencerminkan kesetiaan jenama yang didokong oleh penghasilan kualiti premium yang konsisten dan mudah didapati seluruh negara. Sebagai tanda penghargaan kami kepada pengguna, kami sebagai pengeluar akan berusaha lebih gigih untuk meningkatkan nilai barangan dan pilihan dalam pasaran penapisan gula,” jelas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad.

Kawalan kualiti yang kukuh, pemeraksanaan analitik sains pemakanan, pembekalan dan permintaan yang merangkumi keseluruhan proses pembuatan bermula daripada sumber gula mentah, penapisan, jualan dan pengedaran akan memberikan keyakinan kepada pengguna. MSM memantau rapi prosedur operasi standard dan kilang penapisan turut kerap diaudit demi mengekalkan kualiti terbaik makanan, termasuk Standard Pensijilan Halal JAKIM Malaysia, MS1500:2009, Pensijilan Kosher oleh Jabatan London Beth Din Kashrut, Sistem Pensijilan Keselamatan Makanan (FSSC 22000 – Pembuatan), sistem Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) dan Amalan Perkilangan Baik (GMP) serta lain-lain pensijilan kualiti yang relevan kepada industri.



MSM menawarkan kepelbagaian produk gula premium yang dipasarkan dan dijual dalam pelbagai bungkusan serta gred untuk memenuhi keperluan pasaran domestik dan eksport. Keupayaan MSM untuk menghasilkan gula bertapis berasaskan spesifikasi *International Commission for Uniform Methods of Sugar Analysis (ICUMSA) 45*, telah menjadi kekuatan kepada Gula Prai yang menjadi pilihan pengguna dalam industri penghasilan FMCG. Sehingga kini, MSM telah memenuhi keperluan lebih 300 pelanggan dalam pasaran domestik termasuk pemain industri dan pemborong bereputasi tinggi. Antara produk runcit berprestij Gula Prai yang mendapat permintaan tinggi termasuk gula kasar, gula halus serta gula merah lembut (perang). Sebagai tambahan, MSM juga menyediakan pilihan gaya hidup seimbang untuk pengguna termasuklah produk pemanis sukralosa rendah kalori, "Go $\frac{1}{2}$ ", dan gula campuran stevia "GoNatura" dibawah jenama "Premium Prai".

"Kempen jenama terbaru dan program bertema melalui pelbagai saluran komprehensif akan dilancarkan tidak lama lagi, dengan capaian pengguna yang lebih menyeluruh termasuk *last mile segment*. Inilah jaminan kami kepada semua pelanggan, sebagai langkah perancangan ke hadapan," kata Syed Feizal.

-TAMAT-



Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd. Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2020, MSM mengeluarkan sebanyak 1,010,215 tan gula bertapis, di mana 270,628 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 60% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 401 million setakat 31 Disember 2020. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan. MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan penganjurnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 158
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Ahmad Izwan Osman
+603 2181 5018 ext. 154
+6017 440 1027
ahmadizwan.o@msmsugar.com